

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN. DATO PROF DR KAMARUDDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS SANTAPAN REGIMENTAL
PADA 1OKTOBER 2011 DI HOTEL EASTIN, PULAU PINANG**

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam
Satu Malaysia.

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail; Canselor Universiti Malaysia Perlis, dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah ; Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik dan seluruh warga PALAPES Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke Majlis Makan Malam Regimental Keempat PALAPES Universiti Malaysia Perlis pada hari ini.

Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku.
PALAPES – EDITED SUHANA

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun. Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan dan para pegawai muda yang diraikan.

Yang Berbahagia Mej Jen Dato' Mazlan Kasap, Panglima Markas Latihan

Yang Berusaha Mejar Prof Madya Zaliman Bin Sauli, Timbalan Komandan Palapes UniMAP,

Mejar Salmi Istikh Ahmad, Ketua Jurulatih Palapes UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,

Pegawai-Pegawai Staf dan pegawai tetap,

Pegawai-pegawai muda yang baru ditauliahkan,

Para jurulatih, wakil-wakil media seterusnya hadirin dan hadirat sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Yang Berbahagia, Penggerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Seri Dr. PALAPES – EDITED SUHANA

Haji Zainul Ariff Bin Haji Hussain dan Yang Berbahagia Puan Seri, kerana telah sudi melapangkan diri, meluangkan sedikit masa untuk hadir ke majlis ini bersama DYTMs Tuanku Canselor dan DYTMs Tuanku Pro Canselor UniMAP. Kehadiran Tan Seri dan Puan Seri sudah pasti menguntum bahagia, menambah seri majlis kami di malam ini.

2. Biar pun makan malam regimental kita lalui ketika ini sarat dengan ritual yang bertujuan memperkuuh adat dan budaya ketenteraan, izini saya meneruskan langkah untuk melengkapannya. Biar hari silih berganti, biar masa berganti masa, namun bagi sesbuah universiti, hari ini juga yang dinanti-nanti. Inilah detiknya pihak PALAPES UniMAP mempamer rasa bangganya kerana dapat membantu melahirkan insan kamil, yang insya-Allah, berguna kepada agama, diri, ibu bapa, keluarga, bangsa, negara dan dunia seluruhnya.

3. Pada malam ini kita sama-sama bertuah kerana kita dapat melaksanakan majlis makan malam ini yang diserikan lagi dengan keberangkatan DYTMs Tuanku berdua bercemar duli untuk meraikan pelajar-pelajar UniMAP yang telah ditauliahkan sebagai pegawai muda dalam Kor Rejimen Askar Wataniah di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia pada 9 Julai 2011 yang lalu. Selain itu, majlis ini merupakan satu penghargaan khas daripada universiti di atas sumbangan dan

keringat yang telah diberikan selama tiga tahun berada di UniMAP sebagai pegawai kadet. Sesungguhnya pegawai muda yang dilahirkan di UniMAP di bawah bimbingan ketua jurulatih yang baru, Mejar Salmi Istikh Ahmad merupakan pegawai muda keempat dan mereka inilah yang akan mencorak dan mengukir nama UniMAP ke REJIMEN Siri 500 Askar Wataniah apabila tamat pengajian di UniMAP nanti.

4. Melahirkan perwira dan pertiwi yang berjaya dan cemerlang bukan sahaja bergantung kepada keupayaan akademik semata-mata, tetapi ia juga saling bekait rapat dengan pelbagai faktor lain. Antaranya ialah pembentukan sahsiah diri yang baik, tahap disiplin dan nilai-nilai murni yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang unggul dan sikap kepimpinan yang terpuji. Inilah di antara ciri yang perlu disemadikan dalam sanubari saudara - saudari semua bagi melahirkan seorang graduan yang bukan sahaja berkualiti, bahkan mampu menjadi aset yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Inilah usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak pengurusan universiti supaya setiap graduan mampu menjana kegemilangan universiti dan bakal menjadi peneraju kepada kepimpinan negara pada masa hadapan serta dapat menyesuaikan diri apabila menjadi ketua dalam pasukan yang akan dipimpin nanti.

Saudara Saudari yang dihormati sekalian.

4. Dalam Istiadat Pentaulihan DiRaja Kadet PALAPES IPTA yang lalu, saya bersyukur kehadrat Allah (S.W.T) dan amat berbangga apabila seramai 49 orang pegawai muda ini mampu untuk menamatkan latihan dan seterusnya ditauliahkan dalam Rejimen Askar Wataniah walaupun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan. Mereka ini terdiri daripada **36 orang** pelajar ijazah sarjana muda dan **13 orang** pelajar diploma. Daripada 49 orang pegawai muda ini **13 orang** pelajar telahpun menamatkan pengajian dan **36 orang** lagi masih lagi meneruskan pengajian di tahun empat.

5. Sehingga kelmarin, berdasarkan data yang dikumpulkan, daripada **49 orang** pegawai muda yang ditauliahkan pada Julai lalu, sebanyak **5 orang (10.2%)** telah diterima bekerja oleh pelbagai syarikat multinasional, syarikat setempat, agensi kerajaan dan sebanyak **8 orang (16.3%)** menyambungkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di dalam atau di luar negara dalam bidang masing-masing. Sukacita saya maklumkan bahawa data kebolehpasaran siswazah ini merupakan suatu rekod baru bagi UniMAP berbanding dengan pencapaian tahun-tahun sebelum ini. Ternyata bahawa Pegawai Muda UniMAP yang disemai dengan

ilmu pengetahuan dan disiplin yang tinggi laris dalam pasaran kerja ialah suatu hakikat yang tidak boleh di sangkal lagi.

6. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pegawai muda yang telah ditauliahkan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran selama bergelar pegawai kadet meskipun perjuangan hidup sebenar baru bermula bagi mereka yang baru mengecapi alam pekerjaan. Saya amat berharap saudara-saudari yang telah menyertai alam pekerjaan tidak melupai UniMAP. Ingatilah bahawa status alumni PALAPES yang disematkan pada dada anda dengan sendirinya menjadikan saudara-saudari tidak boleh dipisahkan daripada UniMAP. Gunakanlah segala peluang yang ada untuk bersama-sama membantu membangunkan dan melestarikan PALAPES UniMAP melalui ALUMNI. Sumbangan berbentuk idea, dana atau kerjasama dalam pelbagai bidang akan sentiasa dan amat dialu-alukan.

Saudara Saudari yang dihormati sekalian.

7. Akhir kata sebelum kita bersurai terimalah komitmen ampuh daripada saya untuk menjadikan saudara saudari Pegawai Muda UniMAP sebagai pegawai yang berbakat istimewa iaitu pegawai yang baik budi dan akhlaknya; pegawai yang pintar mindanya; pegawai yang berkualiti hasil

kerjanya. Saya tahu dan sedar bahawa tugas dan tanggungjawab yang di pikul ini untuk melahirkan insan kamil yang cemerlang dalam pelbagai aspek bukanlah kerja yang mudah, tetapi dengan berbekalkan keazaman dan nekad yang tinggi saya yakin PALAPES UniMAP akan lebih cemerlang seiring dengan Lagu Semangat UniMAP iaitu “Cemerlang, Gemilang dan Terbilang”.

**Jangan tertawan alpa duniawi,
Hanya indah serupa mimpi;
Duhai pahlawan ksatria pertiwi,
Taburkan jasa semaikalah bakti.**

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua atas perkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Regimental PALAPES UniMAP yang sarat dengan sejarah ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.